

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 MAC 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 22

ECERDC sasar tarik pelaburan RM8b untuk Pahang

ECERDC sasar tarik pelaburan RM8b untuk Pahang

Kuantan: Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) menyasarkan menarik pelaburan komited bernilai RM8 bilion untuk Pahang tahun ini, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Baidzawi Che Mat.

Beliau berkata, pelaburan mampu mewujudkan 8,000 peluang pekerjaan baharu dan 400 peluang keusahawanan bagi rakyat Pahang.

"Pelaburan berpotensi tahun ini merangkumi pengeluaran bahan guna perubatan, pemprosesan silika, pengeluaran aloi dan mineral. ECERDC juga menyasarkan untuk merealisasikan pelaburan RM3.7 bilion di negeri ini pada 2022," katanya.

Menurut beliau, di bawah Pelan Induk ECER 2.0 (EMP2.0) dari 2018 hingga Disember 2021, ECERDC mencatat pelaburan komited RM19.7 bilion iaitu 64 peratus daripada sasaran EMP2.0 berjumlah RM31 bilion untuk

Pahang sehingga 2025.

"Daripada jumlah ini, 54 peratus pelaburan langsung asing (FDI) dan 46 peratus adalah pelaburan langsung domestik (DDI)," katanya.

Sementara itu, beliau memaklumkan antara projek utama ECERDC mengukuhkan pelaburan ke Pahang ialah pembinaan projek bekalan air Kemaman-Gebeng sepanjang 29 kilometer yang bakal menyalurkan air dari Kemaman, Terengganu, ke Gebeng, Pahang dan akan memenuhi permintaan masa depan pelabur di kawasan perindustrian Gebeng.

Katanya projek lain ialah menaik taraf jeti Kampung Salang, Kampung Genting dan jambatan Sungai Mangkai di Tioman selain naik taraf Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Chera Ting serta Pantai Hiburan Rompin yang akan mengukuhkan industri pelancongan di Pahang.